

**MENGENAL FAKTOR PEMATUHAN CUKAI DI KALANGAN USAHAWAN  
E-DAGANG DI PULAU PINANG**

<b>10DAT13F1077</b>	<b>NUR IZNI BINTI MOHD AZMI</b>
<b>10DAT13F1113</b>	<b>YUGATHRI A/P RAJAH</b>
<b>10DAT13F1128</b>	<b>SHARIFFAH TASNEEM ALJUNID BINTI SYED ALI</b>
<b>10DAT13F1140</b>	<b>NUR LAILA LUBIS BINTI ABDUL KHALIK LUBIS</b>
<b>10DAT13F1146</b>	<b>MITHRRA A/P RAJENDRAN</b>
<b>10DAT13F1167</b>	<b>NUR E'ZZATI BINTI MOHD NOOR</b>

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH DIPLOMA AKAUNTANSI**

**DIPLOMA AKAUNTANSI**

**JABATAN PERDAGANGAN**

**POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

**DISEMBER 2015**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Dipanjatkan kesyukuran yang teramat kepada ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kami sekumpulan dapat menyempurnakan kajian kami yang bertajuk Mengkaji Faktor Pematuhan Cukai Di Kalangan Usahawan E-Dagang Di Pulau Pinang dalam tempoh dan waktu yang telah ditetapkan. Kesempatan ini juga, kami sekumpulan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Puan Adiebah Binti Ahmad kerana sudi menjadi penyelia kami dan memberi kami peluang serta tunjuk ajar kepada kami sekumpulan dalam menjalani dan mengkaji penyelidikan ini. Beliau banyak membantu kami dalam usaha kami menyiapkan tugas ini dari segi memberi cadangan dan pendapat yang sangat membantu kami dalam proses menyiapkan laporan kajian kami. Selain itu, di kesempatan ini juga kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama yang dihulurkan oleh Puan Isratun Binti Idris kerana sudi memberi tunjuk ajar pendapat dan pandangan yang amat membantu kami sepanjang kami menjalankan penyelidikan ini. Segala tunjuk ajar beliau amat dihargai dan akan dijadikan sebagai satu pengalaman serta panduan pada masa akan datang.

Akhir sekali , kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli kumpulan ini kerana telah memberi kerjasama dalam proses menyiapkan laporan kajian ini. Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu memberi kerjasama serta pendapat dari bermulanya tugas ini hingga ke pengakhirannya . Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada pihak-pihak yang terlibat di atas sumbangan yang diberikan oleh Politeknik Seberang Perai serta semua yang turut menjayakan kaji selidik kami tanpa sokongan anda kami mungkin tidak dapat menyiapkan laporan ini dengan sebaiknya.

Sekian terima kasih.

## ABSTRAK

Rejim cukai di serata dunia sering mencari jalan untuk meningkatkan kutipan hasil cukai negara. Kecekapan dan produktiviti sistem percukaian bagi sesebuah negara akan menentukan amaun yang akan dikutip bagi sesuatu tahun taksiran tersebut memandangkan hasil cukai merupakan sebahagian besar pendapatan negara. Jika sistem pematuhan cukai adalah cekap dan produktif, maka kutipan hasil cukai akan turut meningkat. Sejak sistem cukai diperkenalkan, faktor penentu pematuhan cukai bagi sesebuah negara sentiasa berubah. Tetapi sehingga kini, masih tiada penemuan yang dapat diketengahkan oleh para penyelidik mengenai penentu pematuhan cukai yang sebenar dikalangan usahawan e-dagang khususnya terhadap pembayar cukai individu. Antara tiga faktor penentuan pematuhan cukai yang telah diuji iaitu kebarangkalian untuk diaudit, persepsi terhadap perbelanjaan kerajaan, dan peranan pihak berkuasa cukai. Kajian ini dijalankan terhadap usahawan e-dagang yang menjalankan transaksi jual dan beli barang secara elektronik. Pengelakkan cukai tanpa membayar cukai adalah dianggap sebagai jenayah dan boleh dikenakan penalti oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Pengelakkan dengan niat tidak mahu membayar cukai boleh dikenakan penalti yang maksimum yang ditetapkan oleh Akta Cukai Pendapatan 1967. Hasil kajian ini mungkin berguna kepada pihak berkuasa percukaian dalam meningkatkan dan mengalakkan usahawan dikalangan e-dagang dalam pematuhan cukai.

## ABSTRACT

Tax regimes around the world often find ways to increase the state tax revenue collection. The efficiency and productivity of a country's tax system will determine the amount to be collected for a year of assessment as part of the tax revenue income countries. If the tax compliance system is efficient and productive, then the tax revenue will also increase. Since the tax system was introduced, the deciding factor for a country's tax compliance is constantly changing. But until now, still no breakthrough can be highlighted by the researchers on the real determinants of tax compliance among e-commerce entrepreneurs courses to individual taxpayers. Among the three factors determining the tax compliance tested the probability to be audited, perceptions of government spending, and the role of the tax authorities. The study was conducted on e-commerce entrepreneur who runs the sale and purchase of goods electronically. This is due to tax compliance is important in determining the amount of income tax collection to prevent tax payers from tax run. Without paying tax evasion is considered a crime and can be penalized by the Inland Revenue Board (IRB). Avoidance of faith do not want to pay taxes to the maximum penalty prescribed by the Income Tax Act 1967. The results of this study may be useful to the tax authorities in promoting and encouraging entrepreneurs among e-commerce in tax compliance. Determinants of tax compliance is expected to provide inspiration and insight to the taxpayer in carrying out the responsibility of tax revenue and help tax authorities to improve the country's tax system in the future.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>PENGESAHAN LAPORAN PROJEK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Latar Belakang	3
1.1 Penyataan Masalah	4
1.2 Objektif Kajian	6
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Skop Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	9
1.5.1 Usahawan E-dagang	9
1.5.2 Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)	10
1.5.3 Pengkaji Masa Hadapan	11
1.6 Definisi Operasi	11
1.6.1 Pematuhan Cukai	11
1.6.2 Cukai	12

1.6.3	E-Dagang	13
1.6.4	Usahawan	14
1.7	Limitasi Kajian	14
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>		
2.0	Pengenalan	15
2.1	Faktor Kebarangkalian Untuk Diaudit	17
2.2	Faktor Persepsi Perbelanjaan Kerajaan	18
2.3	Faktor Peranan Pihak Berkuasa Cukai	21
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>		
3.0	Pengenalan	24
3.1	Reka Bentuk Kajian	25
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	25
3.3	Sampel Dan Populasi	27
3.3.1	Populasi	27
3.3.2	Sampel	27
3.4	Instrumen Kajian	28
3.4.1	Bahagian A	29
3.4.2	Bahagian B	29
3.5	Tatacara Kajian	30
3.6	Kaedah Menganalisis Data	32
3.6.1	Analisa Kajian Rintis (SPSS)	32
3.6.2	Analisa Kekekapan	33
3.6.3	Analisa Min	33

**BAB 4 ANALISA KAJIAN**

4.0	Pendahuluan	34
4.1	Analisa Kebolehpercayaan Data	35
4.2	Bahagian A : Latar Belakang Responden	36
4.2.1	Jantina Responden	36
4.2.2	Taraf Pemastautin Responden	38
4.2.3	Jenis Perniagaan yang Dijalankan Responden	39
4.2.4	Status Pembayar Cukai Responden	41
4.2.5	Jenis Perniagaan Responden	42
4.2.6	Jumlah Anggaran Pendapatan Tahunan	43
4.3	Bahagian B : Analisis Faktor Pematuhan Cukai Di Kalangan Usahawan E-Dagang Di Pulau Pinang	45
4.3.1	Faktor Kebarangkalian Untuk Diaudit	47
4.3.2	Faktor Perbelanjaan Kerajaan	50
4.3.3	Faktor Peranan Pihak Berkuasa Cukai	52
4.4	Kesimpulan	54

**BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0	Pendahuluan	56
5.1	Perbincangan	57
5.1.1	Faktor Kebarangkalian Untuk Diaudit	57
5.1.2	Faktor Perbelanjaan Kerajaan	58
5.1.3	Faktor Peranan Pihak Berkuasa Cukai	59

5.2	Implikasi Kajian	60
5.3	Cadangan Kajian	62
	5.3.1 Usahawan E-Dagang	62
	5.3.2 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	63
	5.3.3 Pengkaji Masa Hadapan	64
5.4	Kesimpulan	65
	RUJUKAN	67



## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
3.6	Skala Min Skor	33
4.1	Cronbach's Alpha Kebolehpercayaan Data	35
4.2	4.2.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	36
	4.2.2 Taburan Responden Mengikut Taraf Pemastatutin	38
	4.2.3 Taburan Responden Mengikut Jenis Perniagaan yang Dijalankan	39
	4.2.4 Taburan Responden Mengikut Status Pembayar Cukai	41
	4.2.5 Taburan Responden Mengikut Jenis Perniagaan	42
	4.2.6 Taburan Responden Mengikut Jumlah Anggaran Pendapatan Tahunan	44
4.3	Skala Min Skor	46
	4.3.1 Analisis Faktor Pematuhan Cukai Dikalangan Usahawan E-Dagang Di Pulau Pinang-Faktor Kebarangkalian Untuk Diaudit	47
	4.3.2 Analisis Faktor Pematuhan Cukai Dikalangan Usahawan E-Dagang Di Pulau Pinang – Faktor Perbelanjaan Kerajaan	50
	4.3.3 Analisis Faktor Pematuhan Cukai Dikalangan Usahawan E-Dagang Di Pulau Pinang – Faktor Peranan Pihak Berkuasa	52

**SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Perkara</b>	<b>Halaman</b>
3.5	Carta alir tatacara kajian	31
4.2	4.2.1 Peratusan Responden Mengikut Jantina	37
	4.2.2 Peratusan Responden Mengikut Taraf Pemastatutin	38
	4.2.3 Peratusan Responden Mengikut Jenis Perniagaan yang Dijalankan	40
	4.2.4 Peratusan Responden Mengikut Status Pembayar Cukai	41
	4.2.5 Peratusan Responden Mengikut Jenis Perniagaan	43
	4.2.6 Peratusan Responden Mengikut Jumlah Anggaran Pendapatan Tahunan	44

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

Pencukaian boleh ditafsirkan sebagai satu bayaran yang wajib tetapi bukannya denda yang dikenakan oleh kerajaan ke atas penggunaan pendapatan, kekayaan atau asas-asas lain untuk kebaikan rakyat bersama. Hasil kutipan cukai biasanya digunakan oleh kerajaan untuk mengurus, mentadbir dan membangunkan negara.

Memandangkan hasil cukai merupakan bahagian besar pendapatan negara, maka kecekapan dan produktiviti sistem pentadbiran cukai amat penting di Malaysia. Menurut Alm (1991) dan Jackson Milliron (1986), pematuhan cukai adalah tindakan seseorang memfailkan pulangan cukai mereka, mengisytiharkan semua pendapatan yang boleh dikenakan cukai dengan tepat dan membayar semua cukai yang perlu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan tanpa perlu menunggu tindakan susulan daripada pihak berkuasa. Isu pematuhan cukai kini mungkin menjadi aspek yang lebih penting cukai dasar, dengan perkembangan itu sebagai pelaksanaan penilaian sendiri, yang kemunculan ekonomi global dan perdagangan elektronik. Perkembangan ini bersama-sama dengan lebih baik dimaklumkan dan pembayar cukai berpengetahuan boleh dilihat sebagai menyediakan lebih banyak peluang bagi ketidakpatuhan di kalangan pembayar cukai, dan dengan itu memberi cabaran yang lebih besar kepada

pihak berkuasa cukai. Menurut Ahmad Husni Handazlah Menteri Kewangan Kedua, pematuhan cukai dikalangan orang ramai semakin tinggi, namun pendidikan dan pembudayaan untuk membayar cukai perlu diterapkan secara berterusan.

## 1.0 LATAR BELAKANG

Cukai pendapatan yang pertama diperkenalkan di Persekutuan Tanah Melayu pada 1947 di bawah Ordinan Cukai Pendapatan 1947. Ordinan Cukai Pendapatan yang pertama diperkenalkan di Sabah pada 1957 dan di Sarawak pula pada 1961. Secara tidak langsung, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak mempunyai Ordinan Cukai Pendapatan tersendiri. Bagi tujuan penyelarasan, pada tahun 1967, Parlimen memperkenalkan Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 yang berkuatkuasa di seluruh Malaysia mulai 1 Januari 1968.

Cukai pendapatan di Malaysia bersifat kewilayahan. Ini bermakna cukai dikenakan ke atas pendapatan yang bersumber dari Malaysia. Pendapatan yang bersumber dari luar Malaysia akan dikenakan cukai sekiranya dibawa masuk ke Malaysia dan diperolehi oleh mereka yang bermastautin di Malaysia sahaja. Mereka yang tidak bermastautin tidak dikenakan cukai terhadap pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia.

Dalam merangka sistem percukaian, kaedah pemikiran iaitu ideologi cukai diperlukan. Ideologi cukai berperanan dalam merasionalkan kaedah yang digunakan dalam sistem percukaian, menjustifikasikan nilai-nilai murni yang boleh diterapkan dalam sistem percukaian dan ia membantu dalam menjelaskan tujuan moral sistem percukaian di Malaysia.

Menurut Barjoyai Bardai (1987) pematuhan cukai oleh usahawan e-dagang seharusnya dipengaruhi oleh asas ideologi percukaian yang terbahagi kepada tiga iaitu ideologi keupayaan, ideologi sekatan dan penghalang serta ideologi keadilan. Pemikiran keupayaan atau kebolehan membayar menunjukkan yang diukur berdasarkan pendapatan yang diperolehi dan kekayaan yang dimiliki oleh pembayar cukai. Seterusnya, pemikiran sekatan dan penghalang menekankan kepada pembayar

cukai tentang betapa pentingnya perkembangan dan kestabilan ekonomi negara yang menggunakan sistem cukai ini. Manakala, pemikiran keadilan menekankan tentang persamaan dari segi pendapatan dan kekayaan haruslah dikenakan cukai pada kadar yang sama agar tidak berat sebelah.

## 1.1 PENYATAAN MASALAH

Percukaian adalah instrumen ekonomi yang sangat penting bagi sesebuah negara untuk memperoleh hasil atau pendapatan bagi menampung perbelanjaan sesebuah negara, Abdul Aziz (2013). Oleh itu, setiap tahun pembayar cukai haruslah bertanggungjawab melaporkan semua pendapatan yang diperoleh, dan mengira setiap butiran liabiliti pembayar cukai dan sebarang dokumen yang boleh dijadikan sebagai bukti sokongan haruslah disimpan untuk membuat setiap penolakan cukai dengan tepat dan betul bagi sepanjang tempoh tahun taksiran dan menyerahkan kepada pihak yang berwajib sebagai contoh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) hanya bergantung sepenuhnya kepada laporan yang diserahkan oleh setiap pembayar cukai (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII), Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju, Ipoh, Perak 4 – 6 Jun 2012). Namun, menurut Pengarah Jabatan Siasatan LHDN Malaysia, Datuk Mohd Nizom Sairi (2014) berkata terdapat segelintir pembayar cukai yang tidak bertanggungjawab membuat penipuan dan pemalsuan dokumen bagi mengelakkan diri dari membayar cukai.

Menurut Pengarah Jabatan Siasatan LHDN Malaysia, Mohd Nizom Sairi (2014) berkata terdapat pelbagai taktik pembayar cukai mengelak daripada membayar cukai seperti membuat pemalsuan dokumen serta perbelanjaan perniagaan. Menurutnya lagi mereka mewujudkan dua akaun penipuan bertujuan memberi gambaran kepada pihak LHDN bahawa perniagaan mereka tidak mengalami sebarang

keuntungan tetapi sebaliknya terdapat satu akaun yang sedia ada bagi urusan pihak bank menunjukkan keuntungan perniagaan mereka berlipat kali ganda.

Menurut Pengarah Jabatan Siasatan LHDN Malaysia, Mohd Nizom Sairi (2014) berkata pihaknya terpaksa mengadakan lawatan pemeriksaan tanpa mengemukakan sebarang notis kepada pembayar cukai ia bertujuan memeriksa semua dokumen perniagaan dan dokumen peribadi pembayar cukai. Hal ini kerana, terdapat segelintir peniaga atau usahawan yang tidak bertanggungjawab mengurangkan kadar taksiran, melaporkan maklumat yang tidak tepat serta tidak melaporkan secara sengaja bertujuan mengurangkan cukai yang dikenakan terhadap perniagaan mereka. Selain itu, menurut Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Alias Ahmad (2016) berkata terdapat sebilangan pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan untuk menipu pembeli dengan menjual barangan tiruan. Oleh itu, pihak berkuasa mewajibkan setiap peniaga atas talian wajib mendaftar perniagaan mereka di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Selain itu, menurut Ramasamy (2002) terdapat sebilangan peniaga atau usahawan yang menjalankan perniagaan milikan tunggal atau perkongsian mengambil keputusan tidak membayar cukai melalui sikap pematuhan sendiri dan tidak mempunyai niat mematuhi untuk membayar cukai. Tahap pengetahuan cukai yang berbeza serta perbezaan pendapat juga akan mencerminkan sikap penerimaan yang berbeza Fallan (1999). Di samping itu, menurut Webly (2004) sebahagian peniaga tidak dapat mematuhi perundangan cukai disebabkan mereka mengalami kesukaran mengisi segala maklumat yang diperlukan, segelintir daripada mereka juga masih tidak memahami prosedur membayar cukai dan kesalahan mengikrar cukai menyebabkan peniaga gagal membayar cukai serta tidak dapat mematuhi undang-undang yang ditetapkan. Malahan, menurut kajian Kirchler (2002) mendapati sebanyak 117 peniaga mempunyai sikap dan niat untuk tidak membayar dan mengelak daripada membuat sebarang pembayaran.

Kesimpulannya, pelbagai permasalahan yang timbul oleh pembayar cukai bagi mengelak daripada membayar cukai sebagai contoh pembayar cukai akan memalsukan dokumen, pembukaan akaun baru bagi mengelak menyembunyikan keuntungan yang diperoleh diketahui dan sesetengah peniaga atas talian juga tidak mempunyai niat mematuhi untuk membayar cukai. Oleh itu, pihak berkuasa cukai berperanan menangani setiap permasalahan terhadap faktor pematuhan cukai oleh setiap pembayar cukai.

## **1.2 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya, matlamat atau objektif ini adalah bertujuan untuk mengkaji faktor pematuhan cukai di kalangan usahawan e-dagang di Pulau Pinang.

Antara objektif kajian ini ialah :-

- 1.2.1** Mengenalpasti sama ada kebarangkalian untuk diaudit merupakan faktor pematuhan cukai di kalangan usahawan e-dagang di Pulau Pinang.
- 1.2.2** Mengenalpasti sama ada persepsi terhadap perbelanjaan kerajaan merupakan faktor pematuhan di kalangan usahawan e-dagang di Pulau Pinang .
- 1.2.3** Mengenalpasti sama ada peranan pihak berkuasa cukai merupakan faktor pematuhan di kalangan usahawan e-dagang di Pulau Pinang.



### **1.3 PERSOALAN KAJIAN**

- 1.3.1** Adakah kebarangkalian untuk diaudit merupakan faktor pematuhan di kalangan usahawan e-dagang di Pulau Pinang?
- 1.3.2** Adakah persepsi terhadap perbelanjaan kerajaan merupakan faktor pematuhan di kalangan usahawan e-dagang di Pulau Pinang?
- 1.3.3** Adakah peranan pihak berkuasa cukai merupakan faktor pematuhan di kalangan usahawan e-dagang di Pulau Pinang?

## 1.4 SKOP KAJIAN

Ketidakpatuhan cukai merupakan suatu perkara utama yang sering diberi penekanan oleh semua pentadbir cukai terutamanya kepada pembayar cukai. Skop kajian memfokuskan faktor-faktor yang mempengaruhi penentuan pematuhan cukai di kalangan usahawan e-dagang termasuklah kebarangkalian untuk diaudit, persepsi terhadap perbelanjaan kerajaan, dan peranan pihak berkuasa cukai. Dengan pemilihan lokasi ini, ia dapat membantu pengkaji mendapatkan maklum balas daripada pihak responden.

Oleh itu, skop kajian telah menetapkan bahawa soalan kaji selidik hanya tertumpu kepada usahawan yang terlibat dalam aktiviti jual beli barang atau perkhidmatan secara atas talian di kawasan Pulau Pinang iaitu tidak termasuk usahawan yang berada di luar kawasan Pulau Pinang. Sebanyak 100 sampel responden yang terlibat dalam kajian kami akan diedarkan. Data-data yang kami perlukan akan diperolehi dari usahawan-usahawan e-dagang di kawasan Pulau Pinang pada masa yang sama menjalankan perniagaan atas talian.

## **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Antara salah satu tanggungjawab rakyat Malaysia terhadap negara adalah dengan melaksanakan pembayaran cukai pendapatan. Oleh itu, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencari tahu serta menyalurkan informasi tambahan kepada usahawan e-dagang.

### **1.5.1 KEPENTINGAN KEPADA USAHAWAN E-DAGANG**

Berdasarkan kajian yang dibuat, keupayaan untuk menjelaskan cukai sudah semestinya berdasarkan kebolehan pembayar cukai untuk membayar cukai yang diukur daripada hasil pendapatan yang diperoleh. Justeru, terdapat beberapa kepentingan yang akan diperolehi oleh usahawan e-dagang bagi mengenalpasti dan mengetahui faktor-faktor pematuhan cukai.

Sebagai seorang pembayar cukai yang bertanggungjawab, mematuhi undang-undang percukaian adalah penting. Hal ini demikian dapat mengelakkan individu daripada terlibat dengan kes sivil dalam percukaian seperti pelarian cukai, pemalsuan maklumat pendapatan, kegagalan menyimpan rekod dan dokumen yang berkaitan serta kesalahan-kesalahan lain yang boleh dikenakan penalti dan tindakan oleh pihak mahkamah.

Walau bagaimanapun, pematuhan cukai ini penting untuk berlaku adil di kalangan pembayar-pembayar cukai yang berbeza dari segi pendapatannya yang dikenakan mengikut kadar cukai yang berbeza.

### **1.5.2 KEPENTINGAN KEPADA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)**

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian, didapati Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengambil langkah reformasi cukai serta bagi memastikan sistem percukaian lebih adil, telus dan efisien.

Selain itu, pihak (LHDN) juga memastikan syarikat perniagaan lebih akur terhadap perundangan serta menumpukan dan memperluaskan siasatan ke atas kes jenayah seperti pelarian cukai.

Seterusnya, usaha pihak LHDN juga dilihat berdasarkan seminar dan program percukaian yang dianjurkan. Hal ini dapat membantu meningkatkan lagi kesedaran terhadap pembayar cukai supaya lebih bertanggungjawab serta meningkatkan tahap pematuhan cukai di kalangan mereka. Usaha ini juga diharap dapat membantu pihak LHDN dalam membanteras kes-kes jenayah percukaian serta penyelewengan.

Sebagai sebuah pentadbiran percukaian, LHDN bertindak sebagai penggerak di dalam sistem percukaian bagi memastikan pembayar cukai membayar cukai dengan jujur. Dengan adanya pentadbiran cukai yang cekap iaitu mudah dan telus, mematuhi undang-undang percukaian adalah penting bagi memudahkan prosedur-prosedur kepada pembayar cukai serta untuk menjelaskan keaburan pembayar cukai dalam undang-undang percukaian.

### **1.5.3 KEPENTINGAN KEPADA PENKAJI MASA HADAPAN**

Kajian yang dibuat juga boleh diguna pakai untuk dijadikan rujukan oleh pengkaji masa hadapan. Selain itu, laporan ini juga diharap dapat membantu pengkaji masa hadapan untuk menambahkan maklumat, bahan serta bukti yang diperlukan bagi mengukuhkan kajian mereka kelak.

Namun begitu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji masa hadapan bagi mengenalpasti faktor-faktor pematuhan cukai di kalangan usahawan e-dagang.

## **1.6 DEFINISI OPERASI**

Definisi operasi ini bertujuan untuk menyokong tajuk kajian dan memberi maksud perkataan yang berkaitan daripada tajuk kajian. Antara definisi adalah :

### **1.6.1 Pematuhan Cukai**

Percukaian didefinisikan sebagai bayaran yang wajib ke atas penggunaan pendapatan, kekayaan atau asas lain untuk faedah rakyat yang diperintah tetapi bukannya denda yang dikenakan oleh kerajaan, menurut Barjoyai Bardai (1987). Tanggungjawab sistem percukaian di Malaysia adalah di bawah Kementerian Kewangan. Sistem percukaian ini dikendalikan oleh dua jabatan, iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Lembaga Hasil Dalam Negeri berperanan menguatkuasakan cukai secara langsung. Hampir 50% pendapatan

negara diperolehi daripada cukai secara langsung yang terdiri daripada cukai pendapatan.

Pematuhan cukai adalah aspek penting dalam pentadbiran percukaian. Ia bertujuan untuk merancang hal ehwal percukaian seseorang dalam meminimumkan pembayaran cukai sebagai satu belanja. Dalam pematuhan cukai, pembayar cukai perlu memfailkan borang cukai pendapatan, mengira semula jumlah sebenar tanggungan cukai dan membayar perbezaan antara cukai sebenar dengan cukai yang telah dibayar. Aspek yang disentuh dalam pematuhan cukai di Malaysia antaranya penyimpanan rekod, pemahaman berkaitan perbelanjaan yang dibenarkan serta pendapatan yang dikenakan cukai.

### **1.6.2 Cukai**

Menurut Barjoyai Bardai (1987), cukai didefinisikan sebagai bayaran yang wajib tetapi bukanlah satu denda yang dikenakan oleh kerajaan ke atas pendapatan atau kekayaan yang dimiliki serta asaa-asas lain untuk faedah rakyat.

Manakalan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi kelima, cukai membawa maksud bayaran yang dikenakan oleh kerajaan terhadap orang perseorangan termasuk perbadanan, syarikat dan lain-lain yang digunakan untuk pembangunan negara. Hal ini membuktikan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah menetapkan bahawa individu yang memperolehi pendapatan yang melebihi angka tertentu agar membayar cukai.

Dalam kandungan kajian, cukai merujuk kepada sejumlah wang yang perlu dibayar oleh pembayar cukai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) oleh usahawan atas talian.

### 1.6.3 E- dagang

Berdasarkan Kamus Dewan dan Pustaka Edisi keempat e-dagang di definisikan daripada bahasa Inggeris iaitu Electronic Commerce (EC) yang membawa maksud perdagangan elektronik dengan erti kata lain aplikasi teknologi yang menghubungkan sistem perniagaan secara terus kepada pelanggan, pekerja dan pembekal melalui Internet, Extranet dan Web Wide World, tidak kira saiz, lokasi dan jenis perniagaan tersebut.

Perdagangan elektronik adalah sebuah sistem perniagaan yang menggunakan sistem teknologi yang canggih dan terkini untuk menjalankan aktiviti jual beli barang selain dapat melindungi dan memuaskan hati pengguna dikalangan penjual, pembeli dan pihak ketiga yang terlibat iaitu bank, syarikat kewangan, syarikat kad kredit, dan pengeluar sijil pengesahan digital.

Dengan E-dagang sesebuah syarikat atau individu dapat melakukan transaksi jual beli walau di mana sahaja berada. Pemilikan kelengkapan IT yang lengkap dan prasarana telekomunikasi yang canggih membolehkan pengguna mengakses internet hanya dihujung jari sahaja. Ini sudah tentu bermula dengan sebuah komputer, modern dan talian telefon. Jenis utama E-dagang terbahagi kepada dua iaitu di antara perniagaan dengan perniagaan dan yang keduanya di antara perniagaan dengan pengguna.

Dalam kajian ini, jenis e-dagang yang diberi penekanan iaitu di antara perniagaan dengan pengguna yang melibatkan transaksi di antara penjual akhir dan pembeli akhir.